

ICON-HMC Jana Idea Industri Kreatif

Unit Komunikasi Korporat

Wed 10/4/2017 4:42 PM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



04 OKTOBER 2017 / 13 MUHARAM 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

ICON-HMC JANA IDEA INDUSTRI KREATIF





UUM ONLINE: *International Conference On Human And Multimedia Creativity (ICON-HMC) 2017* yang berlangsung selama dua hari menjadi medan pertemuan antara pengamal industri kreatif dan para penyelidik dari dalam dan luar negara dalam pelbagai bidang yang berunsur kreativiti.

Program anjuran Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) membincangkan tentang industri kreatif termasuk penemuan, inisiatif terkini di samping memupuk komuniti yang membantu dalam mempraktikkan strategi industri kreatif.

Selain itu, *ICON-HMC* menyediakan platform perbincangan antara para penyelidik dan pengamal industri kreatif untuk melontarkan pandangan dan hasil kajian selain melatih para pelajar mengelola acara berskala besar yang mampu menjadi medan membina kemahiran insaniah mereka.

Menurut Dekan SMMTC, Prof. Madya Dr. Ariffin Abdul Mutalib *ICON-HMC* menyediakan ruang kepada pelajar, penyelidik dan profesional berkongsi pengetahuan serta mengambil iktibar daripada pengalaman pakar dalam melahirkan komuniti masa depan yang pintar mengurus.

"Seminar bertemakan *Diversification of Creative Confidence* mengajak kita semua untuk mengkaji secara kritis konsep kepelbagaian membina keyakinan dalam persekitaran multimedia kreatif serta berkongsi perspektif yang pelbagai.

"Kreativiti bukan bakat mistik tetapi kemahiran yang boleh dipraktik dan dipupuk serta boleh ditemui dalam pelbagai bidang," ucapnya sebelum merasmikan majlis di Dewan Seminar SMMTC.

ICON-HMC membuka peluang kepada para sarjana Malaysia dan pengamal dari seluruh dunia untuk bekerjasama dan memupuk potensi multimedia kreatif, pemikiran kreatif dan hasil kreatif dalam bidang intelektual.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
 ☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
 ☎ 04-928 3053
 ✉ ukkuum@uum.edu.my
 f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



UUM Consider

UUM Footer

Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.